

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ
[RAUB]**

SOALAN

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR:-**

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pembekalan air yang teruk di kawasan Parlimen Raub; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan menambah peruntukan untuk mengganti paip-paip yang lama, membeli pam-pam yang baru dan membina pusat rawatan air yang berkapasiti lebih besar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek sambungan bagi Skim Bekalan Air Raub dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM87,311,360.00 melibatkan kerja-kerja berikut:
 - (a) membina Loji Rawatan Air (LRA) Tras dengan kapasiti 2.7JLH melibatkan kos sebanyak RM9.4 juta dan telah siap pada 2 Julai 2013;
 - (b) menaik taraf LRA Sg. Keloi dari 9.54 JLH kepada 20.2 JLH dan muka sauk melibatkan kos sebanyak RM45.4 juta dan telah siap pada 30 Januari 2017; dan
 - (c) membina LRA Sg Bilut (*Modular Package Plant*) dengan kapasiti 2.25JLH melibatkan kos sebanyak RM4.6 juta dan telah siap pada 26 Jun 2016.
2. Pembangunan bekalan air di Daerah Raub akan dapat dipertingkatkan sekiranya Kerajaan Negeri Pahang menerima skim penstrukturan perkhidmatan bekalan air yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan cara ini, pihak Pengurusan

Aset Air Berhad (PAAB) dapat menyediakan perbelanjaan modal (CAPEX) yang mencukupi bagi meningkatkan mutu bekalan air di negeri Pahang termasuk di Daerah Raub.

Sekian, terima kasih



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memulihkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1983 dan jika ya, bilakah ia akan dilakukan dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas, Jawatankuasa Dewan telah bersidang bagi membincangkan pengwujudan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Laporan jawatankuasa tersebut telah dibentangkan dalam sesi yang sama dan telah dirujuk kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.
DARIPADA MURUGESON [IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

Berikutan peruntukan RM50 juta untuk pembangunan infrastruktur SJK Tamil yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam setiap belanjawan tahunan. Adakah peruntukan ini dilakukan mengikut polisi atau budi bicara Perdana Menteri

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengagihkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah berdasarkan ucapan bajet tahunan oleh YAB Perdana Menteri dan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF). Pada tahun tahun 2016 KPM telah menerima kelulusan daripada MOF sebanyak RM70 juta bagi tujuan penyelenggaraan sekolah bantuan kerajaan dan agihan RM16.5 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah selesai dilaksanakan pada bulan Disember 2016.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.
DARIPADA MURUGESON [IPOH BARAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah peruntukan pembangunan SJK Tamil (bantuan penuh) dari tahun 2010-2016 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- (b) jumlah murid bagi Sekolah Kebangsaan, Cina dan Tamil bagi tahun 2010-2017 (mengikut setiap tahun).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia menyalurkan peruntukan pembangunan kepada sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT) seluruh negara berdasarkan skop kerja untuk pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan, naik taraf, pendawaian elektrik, rawatan anai-anai dan sebagainya. Jumlah peruntukan pembangunan bagi SJKT secara keseluruhan dari tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak RM154,002,844.00.

(b) berikut merupakan bilangan murid di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dari tahun 2010 hingga 2017.

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
SK	2,184,918	2,153,529	2,111,754	2,069,109	2,044,624	2,033,478	2,043,284	2,065,279
SJKC	603,192	597,036	589,413	564,510	559,157	548,079	540,290	527,453
SJKT	104,654	102,412	97,696	92,934	88,880	85,371	83,291	81,483